



ASN Equity 2

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 DISEMBER 2023

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI), Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021 (PITP) dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023 (PITKD) telah dikemas kini melalui Prospektus Induk Tambahan Ketiga yang bertarikh 1 Disember 2023 (PITKT). Kemas kini yang dilakukan di dalam PITKT adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Forward Price Funds*" dan "*Historical Price Funds*"; dan Penambahan definisi berkenaan "*ISCAP*", "*RMP*" dan "*SBL*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Kemas kini maklumat berkenaan "*Pemegang Amanah*" dan "*Wakil Pemegang Amanah*" di bawah "*Direktori Korporat*";
- 3) Kemas kini berkenaan "*Penentuan Harga*", "*Polisi Pelaburan dan Strategi Pelaburan Utama*" dan "*Polisi Pembiayaan dan Pinjaman Sekuriti*" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Kawalan Risiko / Pengurusan Risiko*" dan "*Risiko Khusus untuk Melabur dalam Tabung-Tabung*" di bawah "*Potensi Risiko berkaitan dengan Tabung-Tabung*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Penilaian Untuk Menentukan Nilai Aset Bersih*", "*Penentuan Harga bagi Tabung Harga Hadapan*", "*Polisi Penentuan Harga Tunggal bagi ASN, ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Equity 5, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2, ASN Sara 1, dan ASN Sara 2*", "*Pelaburan Semula Unit*" dan "*Penukaran Unit antara Tabung-Tabung*" di bawah "*Informasi Transaksi*";
- 6) Kemas kini berkenaan "*Latar Belakang Pengurus - ASNB*" di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 7) Maklumat mengenai pelantikan baharu berkenaan "*Ahli Lembaga Pengarah – ASNB*" iaitu Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda sebagai Pengerusi ASNB dan Encik Faisal Ariff bin Rozali Wathooth sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 8) Kemas kini latar belakang pemegang amanah dan wakil pemegang amanah di bawah "*Pemegang Amanah*";
- 9) Penambahan berkenaan "*Pengecualian dan Variasi daripada Garis Panduan Dana Unit Amanah*" yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk Tabung Harga Tetap di bawah "*Kelulusan dan Syarat*"; dan
- 10) Kemas kini berkenaan dengan "*Pengecualian Cukai untuk Amanah Saham Bumiputera 2*" di bawah "*Percukaian Tabung*".

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITKT ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	7
4. PENYATA PENGURUS	13
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 2	15
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	19
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2023	20
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	21
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	22
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2023	23
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	46
9. MAKLUMAT KORPORAT	48

LAPORAN PENGURUS
ASN EQUITY 2



ASN Equity 2

Pemegang-pemegang unit ASN Equity 2 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity 2 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Equity 2 bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2023.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Equity 2	Ekuiti	Pertumbuhan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity 2 adalah untuk memberi peluang kepada pemegang-pemegang unit untuk mendapat pulangan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pulangan modal pada tahap risiko yang berpatutan melalui pelaburan dalam kepelbagaian portfolio sekuriti, terutamanya dalam ekuiti sekuriti Malaysia selaras dengan Surat Ikatan, Garis Panduan dan undang-undang sekuriti.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

30 Jun.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity 2 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 <i>Sumber: www.bursamalaysia.com.my</i>	80
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	20

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Equity 2 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.6 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2023, seramai 36,079 individu telah menyertai ASN Equity 2. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	21,417	59.36	20,045,054.94	1.89
5,001 hingga 10,000	3,816	10.58	27,099,910.98	2.56
10,001 hingga 50,000	7,141	19.79	164,586,367.96	15.54
50,001 hingga 500,000	3,444	9.55	462,977,843.42	43.71
500,001 dan ke atas	261	0.72	384,429,223.68	36.30
JUMLAH	36,079	100.00	1,059,138,400.98	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Equity 2 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 31.12.2023	Pada Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (%)		
		2023	2022	2021
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:				
Perkhidmatan Komunikasi	7.22	5.96	5.37	7.70
Barangan Bukan Asasi Pengguna	2.57	4.72	5.77	13.29
Barangan Asasi Pengguna	5.99	7.87	9.03	3.97
Tenaga	2.80	4.64	4.08	5.25
Kewangan	27.32	23.12	29.24	19.05
Penjagaan Kesihatan	2.27	3.30	3.42	4.34
Perindustrian	8.93	9.02	5.98	4.54
Teknologi Maklumat	12.12	13.38	8.34	16.54
Bahan Asas	4.77	5.32	9.14	3.19
Hartanah	3.09	1.74	1.44	6.05
Utiliti	11.01	5.47	1.94	2.91
Jumlah	88.09	84.54	83.75	86.83
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:				
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	0.25	1.94	1.30	3.54
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	2.31	6.73	2.03	3.15
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	9.35	6.79	12.92	6.48
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 31.12.2023	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (%)		
		2023	2022	2021
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	447,374	470,945	512,796	682,023
NAB Seunit (RM)	0.4181	0.3937	0.4146	0.5249
Selepas Pengagihan Pendapatan				
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	1.07	1.12	1.76
NAB (RM'000)	447,374	458,145	498,944	659,156
NAB Seunit (RM)	0.4181	0.3830	0.4034	0.5073
NAB Seunit Terendah (RM)	0.3830	0.3830	0.4034	0.5010
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.4195	0.3964	0.5179	0.5499
Unit Dalam Edaran ('000)	1,069,900	1,196,300	1,236,800	1,299,286
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	1 Julai	1 Julai	1 Julai
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.68	1.31	1.65	1.72
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.31	0.67	1.40	1.79
Pulangan				
Pulangan Pendapatan (%) ³	-	2.79	2.78	3.47
Pulangan Modal (%) ⁴	9.16	-5.06	-20.48	1.89
Jumlah Pulangan (%) ⁵	9.16	-2.40	-18.27	5.42

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 2 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 2 untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 2 untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
3. Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
4. Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
5. Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, ASN Equity 2 tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Equity 2 adalah seperti berikut:

	31 Disember 2023		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Pulangan Tahunan (%) ¹	7.61	-5.26	-2.60
Penanda Aras (%)	1.11	-1.91	-0.79

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[\left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$


Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Equity 2 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 31.12.2023	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun				
		2023	2022	2021	2020	2021
Jumlah Pulangan (%)	9.16	-2.40	-18.27	5.42	-6.77	1.20
Penanda Aras (%)	5.49	-1.01	-5.64	4.05	-7.77	-0.14

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity 2 telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 2.35% daripada RM0.46 bilion kepada RM0.45 bilion bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2023. NAB seunit pula mencatatkan peningkatan sebanyak 9.16% daripada RM0.3830 kepada RM0.4181 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity 2 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity 2. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Equity 2 ("Tabung") adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Iktian Tabung.

Tabung boleh melaburkan 70% sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung juga dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk membuat pelaburan asing. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan perumpukan aset yang aktif dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi tempatan dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai dalam keadaan pasaran yang mencabar.

Purata perumpukan aset adalah pada kadar 88% ekuiti: 12% tunai dan sekuriti berpendapatan tetap, lebih tinggi dalam ekuiti berbanding dengan penanda aras 80% ekuiti: 20% tunai. Tabung telah melaksanakan strategi pelaburan melalui perumpukan aset antara ekuiti tempatan dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang yang difikirkan wajar dan mampu menjana pulangan yang kompetitif, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

i. Ekuiti

Bagi pelaburan domestik, pelaburan tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan dividen yang stabil dalam memastikan pulangan yang kompetitif kepada Tabung dalam ketidaktentuan persekitaran ekonomi dan pasaran domestik serta global. Sektor Utiliti mendapat faedah daripada inisiatif kerajaan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR"), yang menjadi pemangkin kepada peralihan sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Selari dengan ini, tahap permintaan untuk pusat data (data centre) akan meningkat, sejajar dengan visi negara untuk menjadi peneraju pasaran dalam industri pusat data. Perkara ini memberi manfaat kepada saham-saham seperti YTL Corp. dan YTL Power. Selain itu, pelaburan dalam sektor Pembinaan mendapat faedah daripada perkembangan positif berkenaan perbelanjaan infrastruktur seperti yang diumumkan dalam Bajet 2024. Di samping itu, pelaburan secara taktikal juga telah dilakukan dalam sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat yang mempunyai model perniagaan yang kukuh dan mempunyai produk-produk berteknologi tinggi seperti alat pembuatan dan pemrosesan semikonduktor yang mendapat manfaat daripada penempatan semula rantaian bekalan di sektor Teknologi Maklumat.

Disebabkan oleh ketidaktentuan persekitaran ekonomi dan pasaran saham antarabangsa, Tabung telah mengambil langkah proaktif dengan mengurangkan pelaburan antarabangsa secara beransur, demi memastikan kualiti aset kekal mapan dan tahap risiko Tabung yang lebih sesuai. Pelaburan Tabung telah beralih kepada sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI") di Amerika Syarikat, dan juga di pasaran Asia Pasifik terutamanya di Korea, yang dijangka akan mengalami pemulihan dalam purata harga jualan untuk produk DRAM dan NAND yang didorong oleh peningkatan permintaan daripada industri AI.

ii. **Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang**

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, Tabung telah mengekalkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap bagi memperoleh kadar pendapatan kupon yang lebih tinggi daripada sekuriti kerajaan Malaysia di samping dapat menstabilkan NAB Tabung.

Pelaburan Tabung di dalam sekuriti berpendapatan tetap adalah tertumpu kepada bon terbitan korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi. Pelaburan telah dilakukan dalam sektor Pengangkutan yang mempunyai tempoh matang selama 3 tahun. Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap yang dipegang adalah 5.72% dengan tempoh matang portfolio selama 3 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "A1".

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 **ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang baik disokong oleh pasaran buruh yang kekal baik dan kemunculan perkhidmatan AI yang telah menarik kembali perhatian pelabur terutamanya terhadap sektor Teknologi Maklumat. Namun, persekitaran ekonomi global masih lemah disebabkan oleh bank-bank pusat antarabangsa yang telah mengetatkan dasar monetari secara agresif untuk mengawal inflasi, pemulihan ekonomi yang perlahan di China, serta konflik yang semakin meruncing di Timur Tengah, dan juga Rusia bersama Ukraine. Sehubungan dengan itu, Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") telah mengunjurkan ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.0% pada tahun 2023 dan sebanyak 2.9% pada tahun 2024.

Pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang baik, dengan indeks komposit utama antarabangsa, MSCI ACWI Islamic telah mencatatkan kenaikan sebanyak +6.9%. Indeks komposit pasaran saham di Amerika Syarikat menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana NASDAQ100 mencatatkan kenaikan sebanyak +11.3%, diekori oleh S&P500 yang mencatatkan kenaikan sebanyak +8.0%. Prestasi cemerlang pasaran didorong oleh kekukuhan ekonomi di Amerika Syarikat akibat pasaran buruh yang mampan dan perkembangan industri AI. Selain itu, pasaran di Taiwan (TAIEX, +7.8%) dan Jepun (TOPIX, +4.3%) juga mencatat prestasi yang baik, turut mendapat manfaat daripada sentimen positif terhadap sektor Teknologi Maklumat.

Prestasi di pasaran rantau ASEAN seperti di Indonesia (JCI, +8.6%), Malaysia (KLCI, +5.7%) dan Singapura (STI, +1.1%) semakin baik disebabkan oleh jangkaan pemulihan permintaan eksport di rantau ASEAN dan sektor Pelancongan yang didorong oleh kelonggaran dalam kemasan pelancong yang berlaku di seluruh rantau. Namun begitu, penurunan ketara dalam tempoh tinjauan dengan prestasi terendah telah dicatat oleh China (SCOMP, -7.1%) dan Hong Kong (HSI, -9.8%) yang mengalami kemerosotan akibat tempas daripada kelemahan ekonomi China. Penurunan ketara di rantau ASEAN dialami oleh Filipina (PCOMP, -0.3%) dan Thailand (SET, -5.0%) akibat ketidakstabilan politik yang mengakibatkan keyakinan pelabur semakin tipis.

Bagi pasaran saham tempatan, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI") mencatatkan prestasi yang cemerlang dengan kenaikan sebanyak 5.7% daripada paras 1,376.68 mata pada 30 Jun 2023 kepada paras 1,454.66 mata pada 31 Disember 2023. Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, FBM KLCI mencatatkan paras tertinggi pada 15 November 2023 dengan 1,466.84 mata dan paras terendah pada 30 Jun 2023 dengan 1,376.68 mata. Sektor-sektor yang mencatatkan kenaikan tertinggi dalam tempoh tinjauan adalah sektor Utiliti (+34.8%), sektor Hartanah (+25.0%) dan sektor Pembinaan (+18.4%). Prestasi positif sektor-sektor ini telah didorong oleh pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030"), projek High Speed Rail ("HSR"), NETR, dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura. Sektor Utiliti dianggap sektor yang stabil dan defensif, mendapat perhatian pelabur manfaat daripada NETR. Sementara itu, sektor yang mencatatkan penurunan tertinggi dalam tempoh tinjauan pula adalah sektor Komunikasi (-1.6%). Prestasi negatif sektor Komunikasi adalah berikutan ketidakpastian dalam aspek dasar meliputi infrastruktur 5G. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan ketara dalam tempoh tinjauan adalah CIMB (+19.2%), Public Bank (+13.9%) dan Tenaga Nasional (+12.9%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan pula adalah PBB Group (-7.3%), Axiata (-8.4%) dan Nestle (-9.2%).

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia pada suku ketiga tahun 2023 telah meningkat kepada +3.3% tahun-ke-tahun selepas merekodkan pertumbuhan agak sederhana sebanyak +2.9% pada suku kedua tahun 2023, hasil daripada pemulihan dalam sektor Perkhidmatan yang disokong oleh industri pelancongan. Tambahan pula, permintaan tempatan kekal teguh didorong oleh pasaran buruh yang stabil dengan kadar pengangguran yang menurun kepada 3.4% berbanding 3.5% pada suku kedua tahun 2023.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah meningkat sebanyak +1.58% untuk ditutup pada paras RM4.5940/USD pada 29 Disember 2023 berbanding RM4.6665/USD pada 30 Jun 2023. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.7943/USD pada 23 Oktober 2023, manakala paras tertinggi adalah RM4.5070/USD pada 31 Julai 2023. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia meningkat apabila bank-bank pusat di seluruh dunia dijangka akan mula melonggarkan dasar monetari pada tahun 2024 untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi masing-masing berbanding usaha untuk hanya mengawal inflasi sejak kebelakangan ini. Dengan ini, mata wang Amerika Syarikat merosot berbanding dengan mata wang negara lain, seperti yang dilihat pada Dollar Index Spot ("DXY") yang menurun sebanyak -1.6% bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, untuk pasaran Malaysia, Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") dikekalkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada 3.00%, memandangkan tahap inflasi masih dalam sasaran. Selain itu, kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pembukaan semula ekonomi domestik dan global serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Selaras dengan itu, kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan telah dikekalkan kepada 2.80%, selari dengan situasi ekonomi terkini.

Bagi tempoh enam bulan, selari dengan kenaikan kadar hasil bon-bon global, kadar hasil Malaysian Government Securities ("MGS") 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup pada 3.53%, 3.65% dan 3.74%, masing-masing naik sebanyak 4 dan 3 mata asas dan turun sebanyak 2 mata asas. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf "A1" berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan penurunan kadar hasil antara 11 sehingga 13 mata asas. Ini disebabkan oleh permintaan yang kukuh serta bekalan bon korporat yang rendah.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal tempatan dan global akan terus mencabar, dipengaruhi oleh kemerosotan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berlaku di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 2.9% untuk tahun 2024, didorong oleh kesan kenaikan agresif kadar faedah oleh bank-bank pusat seluruh dunia terhadap permintaan global. Selain daripada faktor luaran, pasaran tempatan turut dipengaruhi oleh risiko pengurangan permintaan tempatan berikutan kadar inflasi yang tinggi serta kemungkinan perlaksanaan subsidi minyak bersasar, dan secara langsung mengurangkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peluang di pasaran domestik, tetapi peluang-peluang tersebut bergantung kepada keupayaan kerajaan Malaysia dalam melaksanakan dasar-dasar seperti NETR, NIMP 2030 dan sebagainya dengan lancar.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Pengurus Pelaburan akan mempelbagaikan aset dalam portfolio pelaburan meliputi kelas-kelas aset seperti ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang untuk membantu Tabung memberi pulangan yang kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan risiko portfolio pelaburan. Pengurus Pelaburan akan melaksanakan perumpukan aset yang lebih tinggi dalam ekuiti berbanding dengan penanda aras 80% ekuiti, setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global serta kadar pulangan pasaran saham. Pengurus Pelaburan juga pada sesuatu masa mungkin mengambil posisi bertahan dengan meningkatkan pelaburan di dalam aset berisiko rendah seperti pelaburan dalam pasaran wang jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

i. Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, pelaburan ekuiti Tabung akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi dan juga menepati tema pelaburan semasa, dalam memastikan pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pengimbangan aktif antara pasaran domestik dan antarabangsa akan dilakukan berdasarkan analisis pelbagai faktor termasuk persekitaran makroekonomi, kadar tukaran wang dan aliran pelaburan. Pelaburan akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang dijangka mampu memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Strategi pelaburan ekuiti akan terus menumpukan pelaburan dalam sektor berorientasi perbelanjaan domestik yang mampu mengambil peluang daripada kerancangan semula ekonomi domestik. Antara sektor yang akan diberikan tumpuan adalah sektor Pembinaan dan sektor Hartanah yang dijangka akan terus mendapat manfaat didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan untuk melaksanakan projek-projek seperti HSR, Light Rapid Transit ("LRT") Bayan Lepas, Mass Rapid Transit ("MRT") 3, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan NIMP 2030. Pengurus Pelaburan akan terus melabur dalam sektor Utiliti dengan jangkaan sektor ini akan terus mendapat limpahan positif daripada perkembangan inisiatif NETR terutama dalam bidang pembangunan dan pelancaran pusat-pusat data dan juga peralihan sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Pelaburan akan dikekalkan dalam sektor Kewangan yang dijangkakan mengalami pertumbuhan pinjaman dan pembiayaan yang lebih baik sekaligus mendapat manfaat daripada pembayaran dividen yang konsisten bagi menyokong pulangan Tabung yang kompetitif dalam keadaan pasaran yang mencabar. Selain itu, pelaburan secara taktikal juga akan dilakukan dalam sektor Teknologi Maklumat, yang dijangka akan menikmati faedah daripada penambahbaikan sentimen didorong oleh pemulihan ekonomi global pada tahun 2024 dan juga menikmati tempas daripada ketegangan antara China dan Amerika Syarikat, menyebabkan syarikat-syarikat multinasional berpindah operasi dari China ke Malaysia dan negara-negara ASEAN.

Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan sedunia. Tabung akan memberi perhatian kepada keupayaan syarikat untuk mengekalkan kadar keuntungan dalam persekitaran kadar inflasi yang tinggi serta kemungkinan kemelesetan ekonomi global. Pelaburan antarabangsa akan tertumpu kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang dijangka akan kekal defensif dalam keadaan ekonomi global yang mencabar seperti sektor Penjagaan Kesihatan dan Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan asas penduduk dunia tanpa mengira keadaan ekonomi semasa. Selain itu, Tabung akan melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, Korea dan Taiwan, yang dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan industri AI.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Pengurus Pelaburan akan mengekalkan pelaburan sekuriti berpendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai. Bagi jangka masa panjang, pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras, dengan menasarkannya syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY 2

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN EQUITY 2 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134: Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2023, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 7 Februari 2024.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

7 Februari 2024

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **ASN EQUITY 2** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

7 Februari 2024

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 2

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN EQUITY 2 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 sehingga 45.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahun ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesiapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Unit Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata

kewangan Unit Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Unit Amanah untuk terus berjalan, dengan mendedahkan, sebagaimana yang berlaku, perkara-perkara yang berkaitan dengan keprihatinan berterusan dan menggunakan asas perakaunan berterusan kecuali para pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk melakukannya.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Unit Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan

juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

**Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad
Nor**

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

7 Februari 2024

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2022 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		1,089,362	1,612,295
Pendapatan dividen		6,979,252	8,344,006
Keuntungan/(Kerugian) ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		1,914,194	(6,818,463)
Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		5,073,556	4,662,139
Keuntungan/(Kerugian) bersih kadar tukaran asing		7,478	(431,620)
		<u>15,063,842</u>	<u>7,368,357</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	2,378,785	2,660,223
Yuran pemegang amanah	5	190,303	212,818
Ganjaran juruaudit		26,500	22,400
Yuran ejen cukai		2,450	2,350
Perbelanjaan pentadbiran		668,956	410,332
		<u>3,266,994</u>	<u>3,308,123</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI		11,796,848	4,060,234
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	6	<u>11,796,848</u>	<u>4,060,234</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		6,775,814	(104,781)
Tidak ternyata		5,021,034	4,165,015
		<u>11,796,848</u>	<u>4,060,234</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Nota	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2022 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	11,796,848	4,060,234
Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Keuntungan daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI)	35,626,183	10,135,060
JUMLAH PENDAPATAN KEUNTUNGAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	47,423,031	14,195,294
Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	(4,969,999)	(4,945,500)
Tidak ternyata	52,393,030	19,140,794
	47,423,031	14,195,294

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023**

	Nota	31.12.2023 RM	30.6.2023 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	318,300,512	306,297,437
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FTVPL)	8	87,232,124	120,735,282
Deposit dengan institusi kewangan	9	75,817,410	35,643,216
Tuntutan cukai		414,359	414,359
Pendapatan belum diterima	10	317,632	798,927
Jumlah terhutang daripada broker saham		3,188,796	1,408,182
Jumlah terhutang daripada PNB	11	17,857,920	30,541,230
Tunai di bank		11,627,241	4,011,583
JUMLAH ASET		514,755,994	499,850,216
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	12,800,410
Jumlah terhutang kepada broker saham		-	5,223,252
Jumlah terhutang kepada Pengurus		400,228	383,916
Jumlah terhutang kepada PNB	11	66,851,530	23,223,180
Pelbagai pemiutang		130,178	74,261
JUMLAH LIABILITI		67,381,936	41,705,019
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		447,374,058	458,145,197
EKUITI			
Modal pemegang unit	12	553,430,953	611,625,123
Rizab-rizab lain		(106,056,895)	(153,479,926)
JUMLAH EKUITI / NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		447,374,058	458,145,197
UNIT DALAM EDARAN	12	1,069,900,000	1,196,300,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		0.4181	0.3830

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Modal	Rizab-rizab lain		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang Unit RM	Ternyata RM	Tak ternyata RM	
Pada 1 Julai 2022	659,751,233	56,791,904	(217,598,564)	498,944,573
Penjadian unit untuk jualan	1,980,005,309	-	-	1,980,005,309
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (30 Jun 2022)	13,836,620	-	-	13,836,620
Pembatalan unit Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	(1,988,394,090) 1,458,361	-	-	(1,988,394,090) 1,458,361
Jumlah (kerugian)/keuntungan komprehensif bagi tempoh semasa	-	(104,781)	14,300,075	14,195,294
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(4,840,719)	4,840,719	-
Pada 31 Disember 2022	666,657,433	51,846,404	(198,457,770)	520,046,067
Pada 1 Julai 2023	611,625,123	46,281,168	(199,761,094)	458,145,197
Penjadian unit untuk jualan	625,598,762	-	-	625,598,762
Penjadian unit untuk pengagihan pendapatan (30 Jun 2023)	12,064,500	-	-	12,064,500
Pembatalan unit Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	(696,160,660) 303,228	-	-	(696,160,660) 303,228
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	6,775,814	40,647,217	47,423,031
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(11,745,813)	11,745,813	-
Pada 31 Disember 2023	553,430,953	41,311,169	(147,368,064)	447,374,058

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	179,577,076	109,331,559
Pembelian pelaburan	(122,505,261)	(115,260,347)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,310,198	1,989,542
Dividen bersih diterima	7,278,045	4,861,951
Cukai dikembalikan		-
Yuran pengurusan dibayar	(2,362,472)	(2,647,420)
Yuran pemegang amanah dibayar	(188,928)	(211,794)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(643,364)	(420,715)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>62,465,294</u>	<u>(2,357,224)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	650,649,800	1,899,370,880
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(652,532,310)	(1,977,819,720)
Pengagihan kepada pemegang unit	(12,800,410)	(13,852,160)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(14,682,920)</u>	<u>(92,301,000)</u>
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PERBEZAAN TUKARAN MAT AWANG TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH		
	47,782,374	(94,658,224)
	7,478	(431,620)
	<u>39,654,799</u>	<u>138,211,027</u>
	<u>87,444,651</u>	<u>43,121,183</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	11,627,241	4,332,217
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 9)	75,817,410	38,788,966
Tunai dan persamaan tunai	<u>87,444,651</u>	<u>43,121,183</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN EQUITY 2 (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 8 Jun 1999, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 9 Jun 1999 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 6 Julai 1999.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 7 Februari 2024.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134").

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2023 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. MAKLUMAT DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dikenalpasti apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan

liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL") ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-Aset Kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL.

Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15 : Revenue from contract with customers dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elau kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh Unit Amanah mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);
- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.
Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara.
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan.
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) **Penyahiktirafan Aset Kewangan**

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti Kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos urusaniaga secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal Pemegang Unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrument 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga perjanjian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diukur berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas

berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbangan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh dimasuki oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1: Harga tak terlaras disebutharga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2: Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3: Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan kepada jumlah dibawa aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") Unit Amanah, dikira dan diakui secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023 ialah 1% (31 Disember 2022: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan jadual ke Sembilan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Yuran Pemegang Amanah yang dipersetujui ialah RM500,000 atau 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2023 ialah RM190,303 (31 Disember 2022: RM212,818).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

	31.12.2023 RM	30.6.2023 RM
Pada Kos:		
Pelaburan disebut harga - Dalam negara		
Saham biasa	420,035,527	455,404,448
Pada Nilai Saksama:		
Pelaburan disebut harga - Dalam negara		
Saham biasa	318,300,512	306,297,437

Pelaburan Disebut Harga – Dalam Negara

Pelaburan disebut harga – dalam negara pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023
				%
Perkhidmatan Komunikasi				
Axiata Group Berhad	3,600,000	22,708,440	8,568,000	1.92
OCK Group Berhad	2,900,000	2,540,848	1,261,500	0.28
Time dotCom Berhad	1,116,900	6,099,648	6,031,260	1.35

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023
				%
Perkhidmatan Komunikasi (samb.)				
Telekom Malaysia Berhad				
	1,450,000	8,990,000	8,047,500	1.80
	9,066,900	40,338,936	23,908,260	5.35
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Padini Holdings Berhad				
	700,000	4,190,193	2,457,000	0.55
Barangan Asasi Pengguna				
Mr. D.I.Y. Group (M)				
Berhad				
	2,100,000	5,560,876	3,045,000	0.68
IOI Corporation Berhad				
	1,900,000	9,017,970	7,467,000	1.67
Kuala Lumpur Kepong Berhad				
	300,000	8,399,475	6,546,000	1.46
Leong Hup International Berhad				
	1,675,000	1,238,420	946,375	0.21
Sime Darby Plantation Berhad				
	1,847,800	9,184,513	8,241,188	1.84
	7,822,800	33,401,254	26,245,563	5.86
Tenaga				
Bumi Armada Berhad				
	5,000,000	3,384,240	2,475,000	0.55
Dialog Group Berhad				
	2,800,000	8,310,220	5,796,000	1.30
Sapura Energy Berhad				
	9,797,600	10,351,714	440,892	0.10
Yinson Holdings Berhad				
	1,500,000	4,279,536	3,750,000	0.84
	19,097,600	26,325,710	12,461,892	2.79
Kewangan				
AMMB Holdings Berhad				
	949,600	3,908,583	3,807,896	0.85
CIMB Group Holdings Berhad				
	5,500,000	35,296,212	32,175,000	7.19
Hong Leong Bank Berhad				
	305,000	5,968,956	5,764,500	1.29
Malayan Banking Berhad				
	4,235,000	39,082,671	37,649,150	8.42
Public Bank Berhad				
	7,375,000	34,354,340	31,638,750	7.07
RHB Bank Berhad				
	1,100,000	6,279,673	5,995,000	1.34
	19,464,600	124,890,435	117,030,296	26.16

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada
				31.12.2023 %
Penjagaan Kesihatan				
Hartalega Holdings Berhad	469,800	6,803,367	1,268,460	0.28
Kossan Rubber Industries Berhad	1,185,800	9,242,359	2,193,730	0.49
Top Glove Corporation Berhad	1,600,000	12,659,160	1,440,000	0.32
	<u>3,255,600</u>	<u>28,704,886</u>	<u>4,902,190</u>	<u>1.09</u>
Perindustrian				
Malaysia Airports Holdings Berhad	650,000	5,599,839	4,784,000	1.06
Econpile Holdings Berhad	4,700,250	4,141,962	1,433,576	0.32
Gamuda Berhad	1,800,000	8,081,472	8,262,000	1.85
IJM Corporation Berhad	1,000,000	1,811,225	1,880,000	0.42
Muhibbah Engineering (M) Berhad	2,292,200	6,770,668	1,776,455	0.40
Nationgate Holdings Berhad	500,000	190,000	755,000	0.17
Oppstar Berhad	1,444,400	2,758,738	1,892,164	0.42
Sime Darby Berhad	800,000	1,724,000	1,880,000	0.42
Sunway Construction Group Berhad	500,000	829,554	970,000	0.22
	<u>13,686,850</u>	<u>31,907,458</u>	<u>23,633,195</u>	<u>5.28</u>
Teknologi Maklumat				
Globetronics Technology Berhad	1,800,000	5,389,254	2,916,000	0.65
Greatech Technology Berhad	400,000	2,739,800	1,920,000	0.43
Inari Amertron Berhad	2,460,000	8,056,611	7,404,600	1.66
Malaysian Pacific Industries Berhad	150,800	6,331,091	4,252,560	0.94
MI Technovation Berhad	2,800,000	12,329,988	5,180,000	1.16
Pentamaster Corporation Berhad	234,900	1,182,911	1,080,540	0.24
SFP Tech Holdings Berhad	4,500,000	4,030,169	4,320,000	0.97
Unisem (Malaysia) Berhad	700,000	3,097,150	2,317,000	0.52
	<u>13,045,700</u>	<u>43,156,974</u>	<u>29,390,700</u>	<u>6.57</u>

Syarikat	Unit	Kos : Nilai Saksama		Nilai Saksama
		RM :	RM	atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023 %
Bahan Asas				
Petronas Chemicals				
Group Berhad	1,500,000	13,659,885	10,740,000	2.40
Press Metal Berhad	2,200,000	12,373,202	10,582,000	2.37
	<u>3,700,000</u>	<u>26,033,087</u>	<u>21,322,000</u>	<u>4.77</u>
Hartanah				
Eco World				
Development				
Group Berhad	548,900	765,715	576,345	0.13
Mah Sing Group				
Berhad	3,538,287	5,806,454	2,936,778	0.66
Sime Darby Property				
Berhad	4,724,622	7,075,361	2,952,889	0.66
Sunway Berhad	1,750,000	3,370,500	3,605,000	0.80
	<u>10,561,809</u>	<u>17,018,030</u>	<u>10,071,012</u>	<u>2.25</u>
Utiliti				
Tenaga Nasional Berhad				
YTL Corporation	2,560,100	31,778,767	25,703,404	5.75
Berhad	6,500,000	7,197,343	12,285,000	2.75
YTL Power				
International Berhad	3,500,000	5,092,454	8,890,000	1.98
	<u>12,560,100</u>	<u>44,068,564</u>	<u>46,878,404</u>	<u>10.48</u>
Jumlah saham				
biasa	<u>112,961,959</u>	<u>420,035,527</u>	<u>318,300,512</u>	<u>71.15</u>
Jumlah pelaburan				
disebut harga				
- Dalam negara	<u>112,961,959</u>	<u>420,035,527</u>	<u>318,300,512</u>	<u>71.15</u>

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

		31.12.2023	30.6.2023
		RM	RM
Pada Kos:			
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti			
hutang tidak disebut harga:	(a)	10,235,118	30,818,757
Terbitan Pelaburan Kerajaan		-	20,553,281
Nota Islam Jangka Sederhana		10,235,118	10,265,476
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(b)	1,532,636	1,506,004
Pelaburan disebut harga -			
Dalam Negara	(c)	50,256,134	48,906,562
Saham biasa		49,653,582	48,304,010
Saham keutamaan		602,552	602,552
Pelaburan disebut harga -			
Luar Negara	(d)	72,668,533	92,037,812
Saham biasa		72,668,533	84,237,907
Skim Pelaburan Kolektif		-	7,799,905
		<u>134,692,421</u>	<u>173,269,135</u>
Pada Nilai Saksama:			
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti			
hutang tidak disebut harga	(a)	10,320,250	30,813,200
Terbitan Pelaburan Kerajaan		-	20,525,000
Nota Islam Jangka Sederhana		10,320,250	10,288,200
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(b)	1,099,849	1,034,360
Pelaburan disebut harga -			
Dalam Negara	(c)	32,755,441	27,210,721
Saham biasa		32,696,655	27,093,150
Saham keutamaan		58,786	117,571
Pelaburan disebut harga -			
Luar Negara	(d)	43,056,584	61,677,001
Saham biasa		43,056,584	53,818,618
Skim Pelaburan Kolektif		-	7,858,383
		<u>87,232,124</u>	<u>120,735,282</u>

(a) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023 %
Nota Islam Jangka Sederhana				
6.48% Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Bhd. 26.11.2027	5,000,000	5,130,261	5,173,200	1.16
6.33% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Kelang Sdn. Bhd. 26.11.2027	5,000,000	5,104,857	5,147,050	1.15
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	10,000,000	10,235,118	10,320,250	2.31
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	10,000,000	10,235,118	10,320,250	2.31

(b) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2023 %
Maybank Malaysia Ethical Dividend Fund	3,370,668	1,532,636	1,099,849	0.25
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	3,370,668	1,532,636	1,099,849	0.25

(c) Pelaburan disebut harga

Pelaburan disebut harga pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Syarikat	Nilai	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023 %
Saham biasa				
Barangan Asasi Pengguna				
Leong Hup International Berhad	1,000,000	1,033,143	565,000	0.13
Kewangan				
Public Bank Berhad	1,000,000	4,692,395	4,290,000	0.96
Penjagaan Kesihatan				
Hartalega Holdings Berhad	40,000	667,214	108,000	0.02
Supermax Corporation Berhad	1,070,590	9,847,116	1,006,355	0.23
	1,110,590	10,514,330	1,114,355	0.25
Perindustrian				
Malaysia Airports Holdings Berhad	100,000	712,202	736,000	0.16
Econpile Holdings Berhad	2,000,000	1,249,000	610,000	0.14
Nationgate Holdings Berhad	5,359,100	7,661,034	8,092,240	1.81
Sunway Construction Group Berhad	1,300,000	2,517,363	2,522,000	0.56
	8,759,100	12,139,599	11,960,240	2.67
Teknologi Maklumat				
CTOS Digital Berhad	1,800,000	3,520,154	2,538,000	0.57
JHM Consolidation Berhad	2,000,000	4,029,200	1,440,000	0.32
Greatech Technology Berhad	584,700	4,197,913	2,806,560	0.63
Pentamaster Corporation Berhad	400,000	2,207,259	1,840,000	0.41
	4,784,700	13,954,526	8,624,560	1.93

Syarikat	Nilai	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada
				31.12.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Hartanah				
Eco World Development Group Berhad	3,600,000	5,486,936	3,780,000	0.84
Utiliti				
YTL Corporation Berhad	1,250,000	1,832,653	2,362,500	0.53
Jumlah saham biasa	21,504,390	49,653,582	32,696,655	7.31
Saham keutamaan				
Tenaga				
Sapura Energy Berhad -Redeemable Convertible Preference Shares - Islamic	1,469,640	602,552	58,786	0.01
Jumlah saham keutamaan	1,469,640	602,552	58,786	0.01
Jumlah pelaburan disebut harga dalam negara	22,974,030	50,256,134	32,755,441	7.32

(d) Pelaburan disebut harga - Luar Negara

Pelaburan disebut harga - luar negara pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada
				31.12.2023 %
Saham biasa				
Australia				
Penjagaan Kesihatan				
CSL Ltd	1,175	1,043,630	1,064,308	0.24

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023 %
Saham biasa (samb.)				
China				
Perindustrian				
JD Logistics Inc	200,000	4,569,035	1,145,754	0.26
Denmark				
Penjagaan Kesihatan				
Novo Nordisk Inc	4,000	1,827,132	1,905,920	0.43
Jerman				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Adidas AG	3,400	5,057,765	3,200,682	0.72
Zalando SE	5,500	2,560,852	592,285	0.13
	8,900	7,618,617	3,792,967	0.85
Indonesia				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Bukalapak.com PT				
Tbk	26,166,314	6,712,614	1,657,163	0.37
Goto Gojek				
Tokopedia Tbk PT	31,229,102	3,413,902	792,985	0.18
	57,395,416	10,126,516	2,450,148	0.55
Jepun				
Penjagaan Kesihatan				
M3 Inc	15,000	4,459,687	1,147,084	0.26
Teknologi Maklumat				
Murata Manufacturing Co Ltd				
	21,750	2,513,224	2,140,676	0.48
Korea Selatan				
Perkhidmatan Komunikasi				
Naver Corp	1,600	2,521,844	1,281,692	0.29

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023
				%
Saham biasa (samb.)				
Singapura				
Perindustrian				
Grab Holdings Ltd	217,376	9,147,268	3,253,309	0.72
Perkhidmatan Komunikasi				
Propertyguru Group Ltd	36,270	1,520,429	556,189	0.12
Sea Ltd	4,000	5,149,138	743,432	0.17
	40,270	6,669,567	1,299,621	0.29
Taiwan				
Teknologi Maklumat				
Taiwan Semiconductor Manufacturing Co Ltd	25,000	2,112,076	2,226,293	0.50
Amerika Syarikat				
Perkhidmatan Komunikasi				
Alphabet Inc	4,400	2,807,307	2,841,345	0.64
Meta Platforms Inc	1,770	2,543,686	2,920,617	0.65
	6,170	5,350,993	5,761,962	1.29
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Amazon.com Inc	4,000	2,584,535	2,825,264	0.62
Kewangan				
Block Inc	2,500	1,109,473	915,360	0.20
Teknologi Maklumat				
Adobe Inc	1,000	2,710,447	2,742,374	0.61
Advanced Micro Devices Inc	2,900	1,625,326	1,986,619	0.44
Intel Corp	9,000	1,919,575	2,088,416	0.47
Microsoft Corp	1,300	2,129,516	2,246,617	0.50
Nvidia Corp	1,220	2,630,072	2,782,200	0.62
	15,420	11,014,936	11,846,226	2.64

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 31.12.2023 %
Saham biasa (samb.)				
Jumlah saham biasa	57,958,577	72,668,533	43,056,584	9.62
Jumlah Pelaburan disebut harga - Luar Negara	57,958,577	72,668,533	43,056,584	9.62

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	31.12.2023 RM	30.6.2023 RM
Pada kos		
Bank-bank berlesen	62,817,410	35,643,216
Lain-lain institusi Kewangan	13,000,000	-
	<u>75,817,410</u>	<u>35,643,216</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	31.12.2023		30.6.2023	
	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)
Bank-bank berlesen	3.37	3	3.20	4
Lain-lain institusi Kewangan	3.50	3	-	-

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang melebihi 90 hari.
(30 Jun 2023: Tiada)

10. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	31.12.2023 RM	30.6.2023 RM
Dividen belum diterima	225,398	524,139
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain	92,234	274,788
	<u>317,632</u>	<u>798,927</u>

11. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA / KEPADA PNB

	31.12.2023 RM	30.6.2023 RM
Jumlah terutang daripada PNB:		
Penjadian unit	17,857,920	30,541,230
Jumlah terutang kepada PNB:		
Pembatalan unit	66,851,530	23,223,180

12. MODAL PEMEGANG UNIT

	31.12.2023		30.06.2023	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/ tahun	1,196,300,000	611,625,123	1,236,800,000	659,751,233
Penjadian unit untuk				
-Jualan	1,550,300,000	625,598,762	9,088,000,000	3,619,954,270
-Pengagihan semula pelaburan	31,500,000	12,064,500	34,300,000	13,836,620
	<u>1,581,800,000</u>	<u>637,663,262</u>	<u>9,122,300,000</u>	<u>3,633,790,890</u>
Pembatalan unit	<u>(1,708,200,000)</u>	<u>(696,160,660)</u>	<u>(9,162,800,000)</u>	<u>(3,681,917,000)</u>
	<u>(126,400,000)</u>	<u>(58,497,398)</u>	<u>(40,500,000)</u>	<u>(48,126,110)</u>
Pengimbangan pengagihan				
- Bagi tempoh/tahun	-	303,228	-	769,950
- Pengagihan pendapatan	-	-	-	(769,950)
Pada akhir tempoh/ tahun	<u>1,069,900,000</u>	<u>553,430,953</u>	<u>1,196,300,000</u>	<u>611,625,123</u>

13. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 December 2023, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 December 2023, PNB secara sah memegang 10,761,599 (30 Jun 2023: 68,165,097) unit, merangkumi 1.01% (30 Jun 2023: 5.70%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Affin Hwang Investment Bank Berhad*	16,608,522	7.35	24,361	8.85
Aminvestment Bank Berhad*	2,612,124	1.16	3,216	1.17
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	25,012,662	11.07	33,587	12.20
CLSA Securities Malaysia Bank Berhad	22,353,386	9.89	30,300	11.01
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	996,480	0.44	996	0.36
Hong Leong Investment Bank Berhad*	10,287,285	4.55	15,431	5.61
Hong Leong Islamic Bank Berhad*	10,444,898	4.62	-	-
JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	21,086,566	9.33	28,762	10.45
Kenanga Investment Bank Berhad	1,060,000	0.47	1,590	0.58
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	21,160,314	9.37	30,744	11.16
Lain-lain	94,306,306	41.75	106,304	38.61
	225,928,543	100.00	275,291	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2022
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.31 kali	0.22 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.68%	0.62%

NPP adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1: Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2: Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3: Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran.

31.12.2023	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	318,300,512	-	-	318,300,512
	<u>318,300,512</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>318,300,512</u>

31.12.2023	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	75,812,025	-	-	75,812,025
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	1,099,849	-	-	1,099,849
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	10,320,250	-	10,320,250
	<u>76,911,874</u>	<u>10,320,250</u>	<u>-</u>	<u>87,232,124</u>

30.6.2023	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	<u>306,297,437</u>	-	-	<u>306,297,437</u>
	<u>306,297,437</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>306,297,437</u>

Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	88,887,722	-	-	88,887,722
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	1,034,360	-	-	1,034,360
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	30,813,200	-	30,813,200
	<u>89,922,082</u>	<u>30,813,200</u>	<u>-</u>	<u>120,735,282</u>

18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENZAHIRAN BERKAITAN

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

- (i) **Tunai dan Persamaan Tunai, Instrumen Pasaran Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, Peruntukan Pengagihan, dan Pendapatan Belum Diterima**

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan di Sebut Harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan dalam dan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

19. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

20. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 30 Jun 2023.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022.

21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor , 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	

KELANTAN	
<p>Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan</p> <p style="text-align: center;"><i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i></p>	<p>No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan</p> <p style="text-align: center;"><i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i></p>
SABAH	
<p>Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu, Sabah</p>	<p>TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau, Sabah</p>
<p>Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah</p>	<p>Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah</p>
<p>Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah</p>	
SARAWAK	
<p>Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak</p>	<p>Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak</p>
<p>Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak</p>	<p>Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang, Sarawak</p>
<p>4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman, Sarawak</p>	<p>Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu, Sarawak</p>

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang

50508 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

art@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

